

## GERAN PROMOSI PEMASARAN SMG SMG MARKET PROMOTIONAL GRANT

### 1. OBJEKTIF (OBJECTIVE)

Objektif Geran Promosi Pemasaran SMG adalah untuk memberi insentif kepada pengilang sarung tangan getah yang diperakui SMG supaya mereka aktif dalam mempromosikan sarung tangan SMG.

*(The objective of the SMG Market Promotional Grant is to provide incentives to SMG certified glove manufacturers to actively undertake the market promotion of SMG gloves.)*

### 2. BENTUK GERAN (FORM OF GRANT)

Geran yang akan diberikan adalah bersepadan dengan 50% daripada jumlah perbelanjaan yang telah diluluskan untuk setiap syarikat, dengan syarat jumlah tuntutan **maksima tidak melebihi RM80,000**. Syarikat-syarikat yang telah menggunakan sepenuhnya geran tersebut adalah layak untuk mendapatkan geran tambahan berjumlah **RM20,000** untuk mencetak bahan-bahan promosi SMG dan mengiklan jenama SMG.

*(Companies will be reimbursed 50% of approved expenses on the basis of a matching grant subject to a maximum cumulative claim of RM80,000 per company. Companies that have fully utilized the grant are eligible for an additional grant of RM20,000 for the printing of SMG promotional materials and advertising of SMG brand.)*

### 3. KELAYAKAN (ELIGIBILITY)

Hanya pengilang-pengilang yang diperakui SMG layak untuk memohon.

*(Only SMG-certified manufacturers can apply.)*

### 4. AKTIVITI-AKTIVITI YANG BERKELAYAKAN (ELIGIBLE ACTIVITIES)

Geran tersebut hanya boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti promosi berikut:

- **SMPG 1** : Penyertaan dalam pesta perdagangan/pameran perdagangan antarabangsa  
*(SMPG 1 : Participation in international trade fairs/trade exhibitions)*
- **SMPG 2** : Penganjuran seminar-seminar berkaitan dengan SMG di luar negara  
*(SMPG 2 : Organization of SMG-related seminars abroad)*

- **SMPG 3** : Penyertaan dalam seminar/misi berkaitan dengan SMG termasuk pembentangan kertas kerja untuk mempromosikan SMG di seminar-seminar yang berkaitan  
(*SMPG 3 : Participation in SMG-related seminars/missions including paper presentation to promote the SMG in related seminars*)
- **SMPG 4** : Cetakan bahan-bahan promosi SMG  
(*SMPG 4 : Printing of SMG promotional items*)
- **SMPG 5** : Mempromosikan jenama SMG melalui iklan  
(*SMPG 5 : Promoting SMG brand through advertisement*)

## 5. SYARAT-SYARAT (REQUIREMENTS)

Semua permohonan mestilah sampai ke MREPC tidak lewat dari **satu (1) bulan** untuk mendapatkan kelulusan awal bertulis sebelum pelaksanaan acara tersebut.

(*All applications should reach MREPC not less than **one (1) month** for written pre-approval before undertaking the event.*)

Penyerahan laporan-laporan dan dokumen-dokumen lain yang diperlukan mestilah sampai ke MREPC tidak lebih dari **tiga (3) bulan** dari pelaksanaan satu atau lebih aktiviti yang terkandung dalam Item 4. Dokumen-dokumen lampiran yang perlu diserahkan bersama-sama dengan **borang yang berkaitan** adalah termasuk:

(*Submission of reports and other documentary requirements should reach MREPC not later than **three (3) months** of undertaking one or more of the activities under Item 4. Attached documents to be submitted together with the **appropriate form** include:)*

- Inbois dan resit asal perbelanjaan;  
(*Original invoices and receipts of expenses incurred;*)
- Senarai lengkap perbelanjaan dalam menjalankan aktiviti;  
(*Tabulated details of expenditure in carrying out the activity;*)
- Lain-lain dokumen sokongan yang diperlukan dalam setiap aktiviti.  
(*Other supporting documents as required under each activity.*)

## 5.1 Penyertaan dalam pesta perdagangan/pameran perdagangan antarabangsa (*Participation in international trade fairs/trade exhibitions*)

### 5.1.1 Perbelanjaan yang boleh dituntut (*Claimable expenses*)

Perbelanjaan-perbelanjaan berikut akan dibayar balik dengan syarat disertakan dengan inbois and resit asal:

*(The following expenses will be reimbursed provided the expenses incurred are supported by original invoices and receipts:)*

- Sewaan ruang gerai pameran tidak lebih dari **18 meter persegi** termasuk pembinaan gerai tersebut  
*(Rental of basic booth space of not more than 18 square meters, including booth construction)*
- Sewaan peralatan pameran dan perabot asas seperti yang dinyatakan di bawah skim rangka  
*(Rental of display equipment and basic furniture as specified under the shell scheme)*
- Iklan-iklan yang berkaitan dengan penyertaan di pesta perdagangan/pameran perdagangan (logo SMG perlu ditonjolkan dengan jelas di dalam iklan tersebut)  
*(Advertisements related to participation at the trade fair/trade exhibition (SMG logo shall be prominently shown on the advertisement))*
- Kos untuk satu tiket penerbangan kelas ekonomi (secara terus dari KL ke destinasi) tidak termasuk yuran visa, caj bagasi berlebihan dan insurans  
*(Cost of one economy class air fare ticket (point to point from KL to the destination) excluding visa fees, excess baggage and insurance charges)*
- Kos untuk satu bilik hotel biasa, tidak melebihi **RM1,000** untuk satu malam sepanjang tempoh pameran termasuk satu hari sebelum dan selepas  
*(Cost of one standard hotel room, not exceeding RM1,000 per night, for the duration of the exhibition plus one day before and after)*

### 5.1.2 Dokumen-dokumen sokongan tambahan

*(Additional supporting documents)*

Selain daripada keperluan untuk menyerahkan inbois dan resit asal untuk tuntutan perbelanjaan bersama-sama dengan borang berkaitan, pemohon juga perlu menyediakan:

*(Other than the need to submit original invoices and receipts for claimable expenses with the appropriate form, the applicant must also provide:)*

- **Bukti gambar gerai yang jelas menunjukkan promosi SMG**  
*(Photo evidence of booth with clear indication of SMG promotion)*
- **Salinan asal iklan (sekiranya berkaitan)**  
*(Original copy of advertisement (if applicable))*

### 5.1.3 Syarat-syarat tambahan

*(Additional requirements)*

Pemohon juga dikehendaki untuk membeli atau mendapatkan secara percuma direktori pameran perdagangan tersebut sekiranya diminta oleh MREPC. MREPC akan membayar balik 100% perbelanjaan selepas direktori dan resit asal diserahkan.

*(The applicant is also required to purchase or obtain free-of-charge trade directories of the show if requested by MREPC. MREPC will reimburse 100% of the expenses incurred upon submission of the directories and original receipts.)*

MREPC akan menyediakan kain rentang kepada pemohon secara percuma untuk dipamerkan di pesta perdagangan/pameran perdagangan.

*(MREPC will provide a banner at no cost to the applicant to be displayed at the trade fair/trade exhibition.)*

## 5.2 Penganjuran seminar-seminar berkaitan dengan SMG di luar negara **(Organization of SMG-related seminars abroad)**

### 5.2.1 Perbelanjaan yang boleh dituntut

*(Claimable expenses)*

Perbelanjaan berikut akan dibayar balik dengan syarat ianya disertakan dengan inbois dan resit asal:

*(The following expenses will be reimbursed provided the expenses incurred are supported by original invoices and receipts:)*

- **Sewa tempat seminar dan peralatan yang bersesuaian**  
*(Rental of seminar's venue and necessary equipment)*

- Kos pengangkutan dan pemasangan peralatan  
(*Cost of transportation and setting up of equipment*)
- Kos bahan-bahan seminar yang diperlukan untuk seminar  
(*Cost of seminar materials needed for the seminar*)
- Kos rakaman perbincangan seminar, terjemahan dan transkripsi  
(*Cost of recording of seminar proceedings, translation and transcriptions*)
- Kos penerbitan dan penyebaran rekod perbincangan seminar  
(*Cost of publication and dissemination of seminar proceedings*)
- Honorarium/yuran untuk penceramah-penceramah jemputan  
(*Honorarium/fees for guest speakers*)
- Kos untuk dua tiket penerbangan kelas ekonomi (secara terus dari KL ke destinasi) tidak termasuk yuran visa, caj bagasi berlebihan dan insurans  
(*Cost of two economy class air fare tickets (point to point from KL to the destination) excluding visa fees, excess baggage and insurance charges*)
- Kos untuk dua bilik hotel biasa, tidak melebihi **RM1,000** sebilik untuk satu malam, sepanjang tempoh pameran termasuk satu hari sebelum dan selepas  
(*Cost of two standard hotel rooms, not exceeding **RM1,000** per room per night for the duration of the exhibition plus one day before and after*)

### 5.2.2 Pemberitahuan awal (*Advance notification*)

Pemohon perlu menyerahkan laporan kepada MREPC sekiranya syarikat pemohon ingin menganjurkan seminar berkaitan dengan SMG di luar negara. Laporan ini perlu diserahkan selewat-lewatnya **satu bulan sebelum tarikh seminar** dan perlu mengandungi perkara-perkara berikut:  
(*The applicant should submit a report to MREPC in the event that the applicant's company is going to organize a SMG-related seminar abroad. The report should be submitted at least **one month before seminar date** and should convey the following:)*)

- Objektif seminar, termasuk bagaimana ianya boleh membantu dalam mempromosi SMG dan hasil yang dijangkakan  
(*Objectives of the seminar, including how it will help in the promotion of the SMG and the expected outcome*)

- **Aturcara seminar dan penceramah-penceramah**  
*(Seminar programme and speakers)*
- **Peserta-peserta sasaran**  
*(Targeted audience)*
- **Bajet cadangan dan pendapatan dari seminar**  
*(Proposed budget and income for seminar)*

### 5.2.3 Dokumen-dokumen sokongan tambahan *(Additional supporting documents)*

Selain perlu menyerahkan inbois dan resit asal perbelanjaan yang boleh dituntut bersama-sama dengan borang berkaitan, pemohon juga mesti menyediakan:  
*(Other than the need to submit original invoices and receipts for claimable expenses with the appropriate form, the applicant must also provide:)*

- **Perbelanjaan bersih dari seminar sekiranya ada**  
*(Net expenses if any from the seminar)*
- **Bukti gambar seminar yang dianjurkan dan ianya berkaitan dengan SMG**  
*(Photo evidence of seminar being held and it is SMG-related)*
- **Satu set bahan-bahan/rekod perbincangan seminar**  
*(A set of seminar materials/proceedings)*

## 5.3 **Penyertaan dalam seminar/misi berkaitan dengan SMG termasuk pembentangan kertas kerja mempromosi SMG dalam seminar yang berkaitan** ***(Participation in SMG-related seminars/missions including paper presentation to promote the SMG in related seminars)***

### 5.3.1 **Perbelanjaan yang boleh dituntut** *(Claimable expenses)*

Perbelanjaan berikut akan dibayar balik dengan syarat ianya disertakan bersama inbois dan resit asal:  
*(The following expenses will be reimbursed provided the expenses incurred are supported by original invoices and receipts:)*

- **Kos untuk satu tiket penerbangan kelas ekonomi (secara terus dari KL ke destinasi) tidak termasuk yuran visa, caj bagasi berlebihan dan insurans**  
*(Cost of one economy class air fare ticket (point to point from KL to the destination) excluding visa fees, excess baggage and insurance charges)*

- Kos untuk satu bilik hotel biasa sepanjang tempoh acara berlangsung termasuk satu hari sebelum dan selepas  
(*Cost of one standard hotel room for the duration of the event plus one day before and after*)

### 5.3.2 Dokumen-dokumen sokongan tambahan

(*Additional supporting documents*)

Selain perlu menyerahkan inbois dan resit asal untuk perbelanjaan yang boleh dituntut bersama-sama dengan borang permohonan berkaitan, pemohon juga harus menyediakan satu set bahan-bahan/catatan seminar sekiranya berkaitan.

(*Other than the need to submit original invoices and receipts for claimable expenses with the appropriate form, the applicant must also provide a set of seminar materials/proceedings if applicable.*)

## 5.4 Cetakan bahan-bahan promosi SMG (*Printing of SMG promotional items*)

### 5.4.1 Perbelanjaan yang boleh dituntut

(*Claimable expenses*)

Perbelanjaan berikut akan dibayar balik dengan syarat ianya disertakan bersama inbois dan resit asal:

(*The following expenses will be reimbursed provided the expenses incurred are supported by original invoices and receipts:*)

- Kos mencetak bahan-bahan promosi SMG seperti risalah, lembaran iklan, katalog, buku kecil, bunting dan kain rentang;  
(*Cost of printing promotional materials on SMG such as brochures, flyers, catalogues, booklets, buntings and banners;*)
- Kos menyalin DVD/VCD promosi dan kaset video promosi  
(*Cost of duplicating promotional DVD/VCD and Video Cassettes*)

### 5.4.2 Dokumen-dokumen sokongan tambahan

(*Additional supporting documents*)

Selain perlu menyerahkan inbois dan resit asal untuk perbelanjaan yang boleh dituntut bersama-sama dengan borang permohonan berkaitan, pemohon juga harus menyediakan:

(*Other than the need to submit original invoices and receipts for claimable expenses with the appropriate form, the applicant must also provide:*)

- Salinan asal bahan promosi seperti risalah, lembaran iklan, katalog, buku kecil, bunting atau kain rentang, DVD/VCD/kaset video (*Original copy of the promotional items such as brochures, flyers, catalogues, booklets, buntings or banners, DVD/ VCD/ Video Cassettes*)
- Bukti bergambar atau fail gambar bunting/kain rentang (*Photographic evidence or picture file of buntings/banners*)

#### 5.4.3 Maklumat tambahan (Additional note)

Terdapat had bagi tuntutan ini, iaitu, tuntutan terkumpul bagi aktiviti ini **tidak melebihi RM20,000** untuk mencetak dan menyalin bahan-bahan promosi SMG daripada **geran maksima berjumlah RM80,000**. Baki **RM60,000** masih boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain yang layak di bawah program ini dengan syarat jumlah tuntutan untuk semua aktiviti **tidak melebihi RM80,000**.

*(There is a cap to this claim, i.e., cumulative claims under this activity **cannot exceed RM20,000** for the printing and duplicating of SMG promotional items from **a maximum grant of RM80,000**. The balance of **RM60,000** could still be utilized for other eligible activities under this program on the provision that the total claim for all activities **does not exceed RM80,000**.)*

### 5.5 Mempromosi jenama SMG menerusi iklan (Promoting SMG Brand through Advertisement)

#### 5.5.1 Perbelanjaan yang boleh dituntut (Claimable expenses)

Perbelanjaan pengiklanan di **media cetak dan media elektronik di dalam atau di luar negara dan di Internet** untuk mempromosi jenama SMG adalah layak untuk dibayar balik dengan syarat perbelanjaan ini disertakan bersama inbois dan resit asal.

*(Expenses incurred in advertising in **the local and foreign print and electronic media and the Internet** to promote the SMG Brand would be eligible for reimbursement provided that the expenses incurred are supported by original invoices and receipts.)*

### 5.5.2 Dokumen-dokumen sokongan tambahan

*(Additional supporting documents)*

Selain perlu menyerahkan inbois dan resit asal untuk perbelanjaan yang boleh dituntut bersama-sama dengan borang berkaitan, pemohon juga harus menyediakan satu salinan iklan atau draf iklan.

*(Other than the need to submit original invoices and receipts for claimable expenses with the appropriate form, the applicant must also provide a copy of the advertisement or advertisement draft.)*

### 5.5.3 Maklumat tambahan

*(Additional note)*

Terdapat had bagi tuntutan ini, iaitu, tuntutan terkumpul bagi aktiviti ini **tidak melebihi RM20,000** untuk iklan mempromosi jenama SMG dari **geran maksima berjumlah RM80,000**. Baki **RM60,000** masih boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain yang layak di bawah program ini dengan syarat jumlah tuntutan untuk semua aktiviti **tidak melebihi RM80,000**.

*(There is a cap to this claim, i.e., cumulative claims under this activity **cannot exceed RM20,000** for advertising to promote the SMG brand from **a maximum grant of RM 80,000**. The balance of **RM60,000** could still be utilized for other eligible activities under this program on the provision that the total claim for all activities **does not exceed RM80,000**.)*

## 6. PROSEDUR PERMOHONAN (APPLICATION PROCEDURE)

Pemohon-pemohon perlu memastikan permohonan mereka sampai ke MREPC dalam masa **3 bulan** dari tarikh pelaksanaan aktiviti. Semua permohonan yang lewat tidak akan dilayan.

*(Applicants must ensure that their applications reach MREPC within **3 months** of undertaking the activity. All late submissions will not be entertained.)*

Borang-borang permohonan berkenaan boleh diperolehi di pejabat MREPC atau dimuatturun dari laman web MREPC:

*(Relevant application forms can be obtained from MREPC's office or downloaded from MREPC's website:)*

- **SMPG 1** : Penyertaan dalam pesta perdagangan/pameran perdagangan antarabangsa  
*(SMPG 1 : Participation in international trade fairs/trade exhibitions)*  
[http://www.mrepc.com/trade/program/smpg1\\_form.pdf](http://www.mrepc.com/trade/program/smpg1_form.pdf)

- **SMPG 2** : Penganjuran seminar-seminar berkaitan dengan SMG di luar negara  
(*SMPG 2 : Organization of SMG-related seminars abroad*)  
[http://www.mrepc.com/trade/program/smpg2\\_form.pdf](http://www.mrepc.com/trade/program/smpg2_form.pdf)
- **SMPG 3** : Penyertaan dalam seminar/misi berkaitan dengan SMG termasuk pembentangan kertas kerja untuk mempromosikan SMG di seminar-seminar yang berkaitan  
(*SMPG 3 : Participation in SMG-related seminars/missions including paper presentation to promote the SMG in related seminars*)  
[http://www.mrepc.com/trade/program/smpg3\\_form.pdf](http://www.mrepc.com/trade/program/smpg3_form.pdf)
- **SMPG 4** : Cetakan bahan-bahan promosi SMG  
(*SMPG 4 : Printing of SMG promotional items*)  
[http://www.mrepc.com/trade/program/smpg4\\_form.pdf](http://www.mrepc.com/trade/program/smpg4_form.pdf)
- **SMPG 5** : Mempromosikan jenama SMG melalui iklan  
(*SMPG 5 : Promoting SMG brand through advertisement*)  
[http://www.mrepc.com/trade/program/smpg5\\_form.pdf](http://www.mrepc.com/trade/program/smpg5_form.pdf)

Semua permohonan hendaklah dihantar kepada:  
(*All applications must be submitted to:*)

**Pengarah  
Perancangan Korporat dan Penyelidikan  
Malaysian Rubber Export Promotion Council (MREPC)**

Block 2A, Level 13A-1,  
Plaza Sentral,  
Jalan Stesen Sentral 5,  
50470 Kuala Lumpur

Tel : 03 2780 5888  
Fax : 03 2780 5088  
E-mail : [smg@mrepc.com](mailto:smg@mrepc.com)

Website : <http://www.mrepc.com>

***Peringatan (Reminder):***

Sila pastikan semua inbois dan resit asal, maklumat perbelanjaan terperinci dan dokumen-dokumen sokongan lain seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan yang berkaitan disertakan bersama.

(*Please ensure that all original invoices and original receipts, tabulated details of expenditure and other supporting documents as stipulated in the appropriate application form are attached.*)